

Rumah Melayu Negeri Sembilan: Latar Budaya

LATAR BELAKANG NAMA MELAYU DAN KEBUDAYAANNYA



UMAH Melayu adalah rumah tradisionalnya yang terbentuk di dalam masyarakat Melayu bersama-sama dengan evolusi kebudayaan Melayu itu sendiri.

Sebenarnya nama Melayu telah tercatat di dalam sejarah lebih 1 000 tahun dahulu. Joslin De Jong menulis, '*Apparently there was a state called Malayu in South Sumatra about 500 A.D. which was soon (after the 7th century) completely overshadowed by the far greater power Sriwijaya, which completely dominated the Sumatran and Peninsular scene for well-nigh five centuries.*'¹

Terdapat juga catatan China mengatakan 'satu perutusan telah sampai ke China dari Mo-lo-yeu dalam tahun 644'. Nama ini juga adalah sama dengan nama daerah Melayu yang terletak di sekitar daerah Jambi sekarang.² Kerajaan inilah yang dikenali sebagai Darmasraya atau kerajaan Melayu Tua, terletak di pinggir Sungai Inderagiri atau Batang Hari Ulu, yang pada tahun Masihi 1275 telah dihantarkan satu ekspedisi yang dikenali sebagai 'Ekspedisi Pamalayu' oleh Raja Kartanagara dari Kerajaan Singasari, Pulau Jawa.³ Pengkaji-pengkaji sejarah kurang pasti maksud ekspedisi tersebut. Namun bukti-buktinya menunjukkan bahawa ia adalah ekspedisi persahabatan, bukan ketenteraan. Ini dibuktikan dengan pengambilan dua orang puteri Melayu, Dara Petak dan Dara Jingga, dibawa ke Singasari.⁴ Kemudian, putera daripada salah seorang puteri itu yang berkahwin dengan pem-besar Singasari, bernama Adityawarman, dihantar pulang ke Melayu dan menjadi raja di Melayu. Tidak lama kemudian Adityawarman berangkat mudik ke hulu Sungai Inderagiri itu memindahkan kerajaannya ke Pagarruyung, Minangkabau. Maka bermulalah sebuah kerajaan yang dinamakan Kerajaan Pagarruyung, di Daerah Tanah Datar, Minangkabau. Adityawarman meninggalkan banyak prasasti, sama ada di Dataran Minangkabau mahupun di sepanjang Batang Hari. Satu daripadanya ialah sebuah patung besar di Padang Roco dekat Sungai Langsat; pada patung itu terpahat perkataan MALAYU, bertarikh T.M. 1286. Sarjana-sarjana berpendapat, inilah tulisan narma Melayu pertama ditemui secara konkrit.⁵

Nama Melayu kelihatan jelas bermula di daerah Jambi, Sumatera. Ini tidaklah bermakna bangsa atau rumpun Melayu itu berasal dari Jambi. Cuma nama Melayu telah menjadi popular dan seterusnya tersebar luas apabila Kerajaan Melayu Tua itu dapat mengalahkan Seri Wijaya pula pada abad ke-13.⁶

Pengkaji-pengkaji juga sependapat bahawa ras Melayu ini adalah satu ras atau rumpun yang amat besar dan merangkumi daerah yang amat luas—dari Pulau Malagasi di timur benua Afrika hingga ke pulau-pulau Polinesia di Lautan Pasifik, dan dari daratan Tenggara Asia hingga ke seluruh Kepulauan Nusantara di selatan. Tokoh-tokoh seperti Hendrik Kern, Von Heine-Geldern dan lain-lain telah membuat kajian melalui ilmu atau disiplin arkeologi dan sosiolinguistik, telah dapat meramalkan bahawa asal-usul bangsa Melayu ini datang dari Dataran Yunan yang terletak di barat daya Negara China bersempadan dengan Burma (Myanmar) dan India. Mereka ini tidak turun secara serentak menghala ke selatan melalui sungai seperti Chao Phraya dan Mekong, kira-kira 3 000 hingga 1 500 tahun sebelum Masihi.⁷ Mereka tersebar melalui Semenanjung Tanah Melayu hingga ke seluruh pulau-pulau Nusantara; gelombang yang mula-mula dikenali sebagai Proto-Melayu atau Melayu Purba, kemudian diikuti oleh Melayu Deutro atau Melayu Muda. Mereka ini membawa satu kebudayaan dan bahasa yang sama yang menjadi asas bahasa Melayu dan bahasa Indonesia moden sekarang ini. Kebudayaan asal bangsa-bangsa ini umumnya dinamakan Kebudayaan Dongson kerana mengambil sempena nama tempat penemuan pertama alat-alat purba budaya ini di daerah Dong So'n di Annam Utara. Barang-barang purba itu seperti beliung segi panjang dan gendang logam.⁸ Kebudayaan ini juga didapati sama dengan kebudayaan Mon-Khmer (orang darat Indo-China).

Adalah satu fenomena yang menghairankan bagaimana boleh terjadi penyebaran puak-puak Melayu yang begitu meluas. Namun mereka mempunyai bahasa dan budaya yang serumpun. Penyebaran ini telah menimbulkan sub-sub budaya seperti budaya Aceh, Batak, Nias, Minangkabau, Melayu, Jawa, Bugis, Banjar, Toraja, Dayak, Sulu, Tagalog, Ambon dan lain-lain. Walaupun mereka terpecah-pecah dan terpisah-pisah, namun aldiat dari bakat dan kebolehan mereka dalam bidang pelayaran, mereka tetap dapat bertembung antara etnik-etnik itu melalui bidang perdagangan dan mobiliti migrasi. Pertembungan itu membolehkan mereka saling bertukar-tukar dan mempengaruhi pengalaman serta budaya masing-masing. Bagi mereka laut bukanlah faktor pemisah; sebaliknya merupakan sarana penghubung. Kerana itu Ismail Hussein menamakan kebudayaan suku-suku Melayu yang berselerak itu sebagai 'Kebudayaan Samudera' atau 'Kebudayaan Pulau-pulau'. Dan seterusnya beliau mengatakan 'Istilah Melayu telah cukup beragam, malah membingungkan . . . ungkapan "Dunia Melayu Inti", "Dunia Berbahasa Melayu", "Dunia Rumpun Melayu", dan "Dunia Melayu-Polinesia".⁹

Dalam konteks kajian ini, penulis mengambil istilah Melayu yang lebih sempit iaitu etnik Melayu yang sebenar, yang mendiami Semenanjung dan daerah Riau serta lain-lain kelompok Melayu. Yang penting dalam konteks ini ialah orang Melayu yang menamakan diri mereka Melayu, merasakan dirinya Melayu, menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibundanya, mengamalkan budaya Melayu dan beragama Islam.

KEBUDAYAAN MELAYU DAN PENYEBARANNYA

Pengertian kebudayaan adalah sangat luas. Ia merangkumi segala aspek hidup sesuatu kelompok manusia atau masyarakat, merangkumi sistem-sistem atau amalan hidup sehari-hari, sistem kepercayaan dan agama, adat istiadat, pendidikan, keserian, dan sosiopolitik masyarakat itu.

Mohd. Taib Osman¹⁰ secara jelas dan mendalam mengupas tentang asal-usul bangsa dan kebudayaan Melayu, iaitu yang dibawa semenjak dari zaman purba—zaman Hoabinhian, zaman Dongson dan seterusnya hingga menjadi penghuni Semenanjung dan Kepulauan Nusantara membawa ke zaman kini. Justeru itu, kebudayaan Melayu adalah berupa sintesis dari pada kepercayaan bercorak animisme, Hinduisme dan Islam dan kini telah diresapi pula oleh kebudayaan Barat. Dalam kehidupan orang Melayu sehari-hari, terutama yang tinggal di desa-desa, unsur-unsur kepercayaan tersebut jelas terlihat di dalam pantang larang, perubatan tradisional, adat istiadat dan pelbagai acara termasuk penegakan rumah. Seterusnya kata Taib Osman tentang sosiopolitik Melayu, '*The socio-political organization ranged from simple village units, within which rule was by family heads under a sort of oligarchic arrangement with, perhaps, nominal chief whose powers were mainly advisory, to a more complex organization system of kingdoms during the Hindu period.*'¹¹

Asas unit-unit masyarakat Melayu itu ialah kelompok-kelompok atau perkampungan yang berasaskan pertanian yang terlihat hingga ke hari ini. Di antara ciri-ciri yang tertua di dalam sistem sosial Melayu itu ialah tanggungjawab bersama di dalam masyarakat, keutamaan kepada kaum perempuan, keturunan dari risab ibu, dan pemilihan ketua mengikut keputusan ramai.¹² Ciri-ciri ini masih dapat dilihat di dalam amalan masyarakat pengikut Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Dalam amalan masyarakat Adat Temenggung iaitu selain daripada Negeri Sembilan dan Melaka utara, juga masih kelihatan tanda-tanda atau ciri-ciri lama tersebut, cuma mereka telah mendapat pengaruh Hindu dan Islam yang lebih berpengaruh di kawasan-kawasan pesisir.

Untuk melihat pusat penyebaran kebudayaan Melayu itu bolehlah merujuk kepada asal nama Melayu itu sendiri iaitu dari daerah-daerah Sumatera Selatan bahagian timur, antara Palembang (pusat Empayar Seri

Wijaya) dengan Jambi. Namun menurut pendapat umum, Seri Wijayalah penyebar pertama dan utama kebudayaan Melayu. Seri Wijaya juga adalah sebagai pengasas dalam memperkenalkan sistem kerajaan Melayu yang bercorak Hindu-Buddha. Sebagai sebuah kerajaan yang berasaskan kekuatan laut dan perdagangan, Empayar Seri Wijaya telah tersebar luas hingga ke seluruh Sumatera dan Semenanjung dan ke daerah-daerah se-latan Indo-China hingga melahirkan kerajaan-kerajaan kecil di utara Semenanjung seperti Kedah, Langkasuka dan Ligor. Setelah Seri Wijaya lemah dalam abad ke-13 Masihi, maka timbullah kerajaan-kerajaan kecil sebagai pewarisnya, seperti Kerajaan Minangkabau, Pasai dan akhirnya Kerajaan Melaka. Kerajaan Melaka yang dikatakan berasal dari Palembang (Bukit Siguntang), berpindah ke Bentan, kemudian ke Temasik (Singapura Tua).¹³ Digangu oleh kuasa Majapahit (atau Siam, menurut catatan lain pensejarah) raja Temasik berpindah ke Melaka dan mengasaskan sebuah Emporium Melayu baru, mengambil alih peranan Seri Wijaya. Menurut Dr. Zainal Kling, Melaka adalah pengasas, pengukuh dan penyebar kebudayaan Melayu generasi kedua selepas Seri Wijaya.¹⁴ Kebudayaan Melayu hari ini adalah kesan penyebarannya dari Melaka, dan dari jajahan takluknya, meliputi sepanjang pantai timur Sumatera, seluruh Semenanjung dan Kepulauan Riau.

Kekuasaan Melayu Melaka berlalu kira-kira seabad lebih dan berakhir dengan penaklukan Protugis pada tahun 1511. Namun kekuasaan Melayu tidak berakhir di Melaka. Sultannya yang terakhir, Sultan Mahmud Syah, berpindah ke Pahang, ke Bentan dan akhirnya ke Kampar, Sumatera. Putera-putera baginda, Sultan Muzaffar mengasaskan Kerajaan Perak, dan Sultan Ala'uddin II meneruskan Kerajaan Melaka di Johor yang dikenali sebagai Kerajaan Johor-Riau dan Lingga, hingga pada tahun 1824 apabila kerajaan itu dibahagi dua oleh Inggeris dan Belanda di Persetiaan London.¹⁵ Di Semenanjung tumbuhlah kerajaan-kerajaan kecil seperti Pahang, Terengganu, Kedah dan Selangor. Manakala di Sumatera wujud pula kerajaan-kerajaan Melayu Langkat, Deli, Siak dan lain-lain. Walaupun terpisah-pisah namun semuanya mewarisi dan mengamalkan kebudayaan yang sama iaitu kebudayaan Melayu yang tersebar di kedua-dua pantai Selat Melaka, Kepulauan Riau dan di pantai-pantai Kalimantan.

Berlaku sedikit kelainan budaya Melayu di utara dan pantai timur Semenanjung seperti Kedah, Kelantan dan Terengganu termasuk Pattani. Negeri-negeri tersebut, walaupun tidak mustahil telah menerima sebaran budaya Melayu Seri Wijaya, tetapi pengaruh empayar yang lebih tua di sebelah utara iaitu Funan dan Langkasuka kelihatan meninggalkan kesan kepada negeri-negeri tersebut seperti yang terlihat pada kesenian dan pertukangannya, khususnya bidang seni bina dan ukiran serta tenunan.¹⁶

LATAR BELAKANG SENI BINA MELAYU

Kita melihat pengkaji-pengkaji mengambil disiplin arkeologi dan linguistik dalam menentukan pernyebaran budaya Melayu. Dalam kajian ini penulis akan melihat dan membahas khusus terhadap aspek seni bina dengan menekankan aspek budaya. Aspek seni bina adalah sangat penting dalam mengkaji kebudayaan sesuatu bangsa. Dengan mengkaji seni bina tradisional secara tidak langsung bermakna mengkaji budaya sesuatu kelompok manusia yang memiliki seni bina itu. Kenyataan ini adalah berlandaskan satu keyakinan bahawa seni bina sesuatu bangsa itu adalah hasil atau puncaran budaya bangsa yang menghasilkannya.¹⁷ Budaya bangsa itu mempengaruhi bentuk seni binanya dan seni bina itu mempengaruhi pula budaya bangsa itu secara timbal balik. Sehubungan ini Amos Rapoport menulis:

*Architecture may provide setting for certain activities, reminds people what these activities are; signifies power, status, or privacy; expresses and supports cosmological belief; communicates in information; and encodes value systems. It can also separate domain and differentiate between here and there, sacred and profane, men and women, front and back, private and public, habitable and inhabitable, and so on.*¹⁸

Petikan ini sangat tepat di dalam mengkaji seni bina tradisional Melayu kerana segala perlakuan budaya Melayu tradisional berlangsung di dalam rumahnya bermula sejak seseorang dari dalam kandungan, membawalah ke alam dewasanya dan seterusnya ke hari kematiannya.

Seni bina Melayu di Semenanjung dan di daerah Riau¹⁹ jelas serumpun dengan rumah-rumah tradisional suku bangsa Melayu yang lain seperti suku-suku bangsa Aceh, Minangkabau, Bugis, Banjar dan lain-lain di seluruh Kepulauan Nusantara. Dan rumah-rumah tradisional di Negara Thai, Kampuchea, Laos dan Champa menunjukkan persamaan yang membuktikan bahawa kesemuanya adalah dari rumpun yang sama.

Terdapat faktor-faktor yang boleh meyakinkan kita untuk membuktikan keserumpunannya itu. Yang terutama ialah kebanyakan rumah itu didapati daripada bahan kayu dan tumbuh-tumbuhan lain yang diperolehi dari alam sekitarnya dan diperbuat dengan bertiang tinggi serta berlantai tinggi dari aras muka bumi. Bentuk bumbungnya juga hampir-hampir identikal iaitu bumbung panjang berkelopak dua atau disebut juga atap atau bumbung lipat kajang, serta bertutup di kiri kanannya yang diberi nama ‘tebar layar’.²⁰ Terdapat variasi antara satu dengan lain iaitu dari aspek dekorasi atau ornamennya yang timbul dari faktor-faktor budaya lokal atau agama.

Bagaimanapun kita boleh meyakini semuanya adalah dari rumpun yang sama. Variasi atau kelainan itu adalah kerana pernyebaran suku bangsa

Melayu itu sendiri. Bentuk bumbung pula ada yang lurus, lentik ataupun melengkung, atau bentuk limas, tetapi kelainan ini adalah pengaruh-pengaruh yang datang kemudian sama ada dari luar ataupun perubahan secara evolusi, mengikut perkembangan kebudayaan suku bangsa atau daerah masing-masing dan juga pengaruh-pengaruh luar.

Rumah-rumah Melayu seperti yang terdapat di Semenanjung dan Riau bukan saja serumpun tetapi adalah sekeluarga; semuanya mempunyai persamaan-persamaan yang jelas bukan saja dari segi bentuk tetapi lebih penting lagi dari segi konsep dan falsafah ruang dan pembinaannya. Sebagaimana kata Ismail Hussein bahawa kebudayaan Melayu itu adalah kebudayaan kelautan atau kepulauan,²¹ maka tepat sekali rumah-rumah Melayu banyak terdapat di tepi-tepi pantai dan di tepi-tepi sungai. Mereka hidup sebagai petani dan nelayan. Perahu adalah sebahagian daripada hidup mereka; laut dan sungai adalah tempat bermain mereka. Mereka menyeberang dari pantai ke pantai Selat Melaka atau dari pulau ke pulau bagaikan menyeberang anak air tanpa takut atau ngeri. Sungai-sungai adalah jalan raya mereka, walaupun mereka asalnya dari laut tetapi lamakelamaan mereka beransur ke darat, ke hulu-hulu sungai setakat mana mereka sampai lalu mendirikan rumah-rumah mereka di pinggir-pinggir sungai itu. Bentuk rumah mereka, terutama atapnya, besar kemungkinannya meniru bentuk atap perahu mereka iaitu atap lentik. Menurut Philip Gibbs:

The Malays were a seafaring people and the carpenters who built their houses also built their boats. There are thus many boat analogies used in the house. The word for the posts of the house is 'tiang', which is also the word for the mast of the boat. The word for the flooring is 'lantai', which is also the word for the boat's floor. The word for the equilateral triangle gable-end is 'tebar layar' which signifies the sail of the boat.²²

Seorang pengarang tarikh Cina pada awal abad ke-15 (tahun 1416) telah menceritakan keadaan rumah orang Melaka pada zaman itu:

... diperbuatnya tinggi dan tiada berlantai papan di bawahnya tetapi ada kira-kira empat kaki dari tanah barulah diberi berlantai, iaitu diperbuat daripada batang nyiur yang dibelah-belah dan diukat-ikatkan dengan rotan. Maka di atas lantai itulah dibentang mereka tempat tidurnya. Dan tikar-tikar tempat duduk, dan di atas tikar inilah mereka duduk dengan menyilangkan kakinya (bersila); demikian pula makan minum, tidur, bekerja semuanya situlah juga.

Daripada pelan tapaknya jika dilukiskan bolehlah dibuat rumah Melayu itu tiada payah, tiada banyak bahagian-bahagiannya iaitu satu bahagian hadapan yang dinamakan 'serambi'—di situ lah tempat menerima orang datang; dan sekerat bahagian tengah ialah tempat tidur; dan sekerat bahagian belakang yang terasing dihubungkan dengan rumah itu; maka bahagian belakang inilah tempat dapur bagi memasak.²³

Huraian di atas adalah gambaran salah sebuah daripada rumah rakyat biasa yang paling sederhana di Melaka di zaman lampau. Di sini kita mendapat gambaran bahawa ia menunjukkan rumah Melayu hari ini tidak jauh bezanya dengan rumah Melayu di zaman itu, sekurang-kurangnya pada bentuk asasnya. (Lihat Rajah 1.1).


Cuba kita lihat pula gambaran yang lain, iaitu istana Sultan Mansur Syah:

Adapun besarnya istana itu tujuh belas ruang, pada seruang tiga depa luasnya, besar tiangnya sepemeluk; tujuh pangkat kemuncaknya. Pada antara itu diberinya bertingkap,²⁴ pada antara tingkap itu diberinya berbungungan melintang dan bergajah menyusu, sekaliannya bersayap layang-layang berukir dan bersengkuap, pada antara sengkuap itu diberinya berbungungan melintang dan bergajah menyusu, sekaliannya bersayap layang-layang berukir dan bersengkuap, pada antara sengkuap itu diperbuatnya belalang besagi, sekaliannya bergunung-gurung dan berjurai-jurai belaka. Adapun segala tingkap istana itu sekaliannya dicat dan dibubuh air emas. Kemuncaknya kaca merah. . . ; dan dindingnya sekaliannya berkambi, maka ditampali dengan cermin Cina yang besar-besaran. . . . Adapun rasuk istana itu sehasta lebarnya, sejengkal tiga jari tebalnya; diukirnya jenang pintu itu, dan empat puluh banyak pintunya, sekaliannya dicat dibubuh air emas. Terlalu indah perbuatannya istana itu. . . . Dan istana itulah yang dinamai orang mahligai. Atapnya tembaga dan timah bersirip.²⁵

Yang sangat menarik ialah tentang nama-nama atau istilah-istilah yang terdapat di dalam petikan ini. Di antara nama-nama itu cuma empat nama yang dirasakan kurang terpakai pada hari ini iaitu belalang besagi, gunung-gurung, jurai dan birai. Ada tujuh perkataan yang menunjukkan ukuran iaitu lebar, tebal, pemeluk, depa, hasta, jengkal dan jari. Jika dibandingkan dengan nama-nama yang disenaraikan oleh Winstedt seperti yang terdapat dalam Rajah 1.1, tiga nama sahaja yang sama daripada dua puluh nama yang disenaraikan iaitu tiang, rasuk dan atap. Hal ini tidaklah menghairankan kerana kedua-duanya ternyata tidak menyenaraikan semua istilah yang patut ada. Yang jelas ialah, daripada huraian atau gambaran istana Sultan Mansur Syah (lihat Gambar 1, 2 dan 3) itu bahawa sifat istana itu tentulah tidak lari daripada bentuk rumah rakyat dan rumah Melayu pada dasarnya: bertiang tinggi dan berasuk. Tiang dan rasuk adalah dua ciri paling asas bagi penegakan sesebuah rumah Melayu; jika ditambah dengan perkataan 'alang' sahaja lagi, sudah cukup untuk mendirikan empat batang tiang asas, yang memerlukan lagi empat batang rasuk dan empat batang alang. Setelah tertegak barulah dilengkapi dengan bahagian-bahagian yang lain (lantai, dinding dan atap) dengan sistem-sistemnya masing-masing.

Akhirnya dapat dibuat kesimpulan bahawa latar belakang rumah Melayu itu—dari pondok hingga rumah yang besar dan istana ialah hasil dari kebudayaan Melayu sendiri semenjak ribuan tahun. Tetapi untuk kajian

RUMAH TRADISIONAL NEGERI SEMBILAN



Disediakan daripada *JMBRAS*, 7, (3), 1929, pt. 10 & p. 459

Nama-nama halangan yang bermotif:

- Karana Maran atau gunungan yang berdiri bersama

 1. tiang gunting—pillars.
 2. susoh—wedges to support cross floor-beams.
 3. rasok—cross-beams from pillar to pillar.
 4. gelégar—girders/joist.
 5. jéräu—split laths, just below the floor proper.
 6. lantai—floor.
 7. tunjuk langit—king post.
 8. tulang bumbong—roof-ridge.
 9. kasau jantan—main rafters.
 10. tutup tiang—beam across top of pillars.
 11. alang pandak—short cross-beams.
 12. bendul—beam at threshold.
 13. gulong-gulong—rollers/purlin.
 14. kasau betina—subsidiary rafters.
 15. jénang—uprights of door.
 16. tutup jenang—lintel.
 17. bélébas—main horizontal and vertical laths for fixing atap wall.
 18. jéréjak—thinner perpendicular laths for ditto.
 19. pékukian atap—a lath holding down the lowest part of the atap roof.
 20. atap—palm-leaf thatch.
 21. pérabong—double row of atap protecting the roof-ridge.
 22. alang panjang—low cross-beams.
 23. chuchoran atap—lowest edge of palm-leaf roof

Rajah 1.1 Rumah Melayu asas

ini, jangka waktu diambil dari zaman Seri Wijaya-Darmasraya (Palembang-Jambi) dan akhirnya berpindah ke Melaka dan serata jajahan takluknya dan di mana-mana saja kebudayaan Melayu itu tersebar.

SENI BINA MELAYU DAN KELOMPOKNYA

Seri bina Melayu ialah semua rumah tradisional yang terdapat di Semenanjung, Pattani dan daerah Riau, walaupun sekeluarga, namun ia boleh dikelompokkan kepada empat kelompok atau kawasan²⁶ berdasarkan bentuk dan ciri-ciri kedaerahan:

1. Kelompok Selatan: Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Johor dan Riau;
2. Kelompok pinggir Sungai Perak;
3. Kelompok Utara: Pulau Pinang, Seberang Perai, Kedah dan Perlis;
4. Kelompok Timur: Terengganu, Kelantan dan Pattani.

Pengelompokan di atas bukanlah muktamad kerana tiap-tiap kelompok itu dapat pula dibahagikan kepada sub-sub kelompoknya masing-masing. Umpamanya, kelompok (1) atau Kelompok Selatan itu jelas ada sub-sub kelompok Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Riau, yang dapat dilihat dengan ketara dan boleh diuraikan secara terperinci. Begitu juga sebaliknya, antara keempat-empat kelompok besar itu ada pula persamaan antara satu dengan lain. Misalnya, rumah tradisional Pahang kelihatan ada persamaan dengan rumah Terengganu, iaitu kedua-duanya memakai sistem tiang tambahan yang dinamakan tiang tongkat. Walau bagaimanapun, pada asasnya, kesemuanya adalah sama. (Lihat Jadual 1.1).

Jadual 1.1 jelas menunjukkan ciri-ciri rumah tradisional Melayu Semenanjung berdasarkan kelompok atau kawasan masing-masing. Walaupun berbeza kawasan, namun persamaannya adalah jelas. Jawapan yang ditandakan 'ya' itu adalah menunjukkan ciri-ciri yang terdapat pada bahagian-bahagian rumah-rumah itu, dan yang ditandakan (—) itu pula adalah yang tidak terdapat. Di sini kelihatan hampir semua rumah mengikut kawasan itu adalah menunjukkan persamaan. Yang nampak kelainannya ialah bahagian tiang tongkat hanya terdapat di pantai timur dan Pahang; arjung serambi hanya di selatan dan Pulau Pinang; loteng pula hanya terdapat di Negeri Sembilan dan Melaka dan juga terdapat pada rumah Melayu Riau (tidak dimasukkan di dalam Jadual ini). Dari sini bolehlah diandaikan bahawa ciri arjung dan loteng ini adalah ciri rumah Selat Melaka.

Secara ringkas dan jelas bahawa ciri rumah tradisional Melayu mempunyai jenis bumbung atau perabung panjang dan bertingkat, bertiang tinggi dan aras lantainya berbeza-beza; sistem kerangka rumah adalah menggunakan empat baris tiang (loseng) iaitu dua baris tiang rumah ibu dan dua baris lagi untuk tiang serambi dan kelek anak atau serambi gantung; kerangka bumbung pula menggunakan sistem alang dan bertunjuk langit.

RUMAH TRADISIONAL NEGERI SEMBILAN

Jadual 1.1 Analisis ciri-ciri rumah Melayu

Bahagian rumah	Utara		Perak	Pantai timur	Pahang	Selatan	
	PP	Kd.				NS	M'ka
Bumbung panjang	ya	ya	ya	ya	ya	ya	ya
Bumbung tingkat	ya	ya	ya	ya	ya	ya	ya
Tiang tinggi	ya	ya	ya	ya	ya	ya	ya
Tiang tongkat	—	—	—	ya	ya	—	—
Lantai tingkat	ya	ya	—	ya	ya	ya	ya
Tunjak langit	ya	ya	ya	ya	ya	ya	ya
Tiang empat baris	ya	ya	ya	ya	ya	ya	ya
Berserambi	ya	ya	ya*	ya	ya	ya	ya
Beranjung	ya	—	—	—	ya	ya	ya
Rumah ibu	ya	ya	ya	ya	ya	ya	ya
Rumah dapur	ya	ya	ya	ya	ya	ya	ya
Loteng	—	—	—	—	—	ya	ya

Keterangan PP (Pulau Pinang), Kd. (Kedah), Phg. (Pahang), NS. (Negeri Sembilan), M'ka (Melaka)

(*) Tidak sepenuhnya;

(—) Tiada;

(ya) Ada.

Ciri-ciri khas menurut kawasan

Pulau Pinang: Rumah dapur gajah menyusu; Kedah: Serambi lepuu; pantai timur: Papan pemeleh, tiang tongkat, rasuk pelancar atau belira di kaki tiang; Pahang: Tiang tongkat; Negeri Sembilan: Bumbung lenthik dan berpapan gendeng berukir; Melaka: Tangga batu dan bumbung tinggi.

Susun atur atau tataruangnya adalah sama belaka iaitu berserambi, berumah ibu dan berumah dapur tetapi ada variasi tentang letak rumah dapur dan lain-lain ruang tambahan seperti pelantar, selang dan lain-lain. Begitu juga tentang sistem tebukan tiang atau pemasangan rasuk pelancar dan gelegar lantai terdapat variasi yang tidak mengubahkan ciri-ciri am yang telah nyatakan di atas.

Terdapat sedikit perbezaan pendapat, iaitu R.N. Hilton tidak memasukkan rumah-rumah pantai timur ke dalam kajiannya kerana dikatakan pengaruh Siam dan Majapahit.²⁷ Muhib Sheppard pula tidak sependapat dengan R.N. Hilton dengan memberi alasan bahawa rumah Melayu Terengganu dan Kelantan adalah contoh-contoh rumah Melayu yang asli dan tipikal. Oleh itu penulis adalah akur terhadap pembahagian di atas.

Setakat ini telah ditinjau serba sedikit tentang asal usul Melayu yang menurut ramai sarjana, dipercayai dari daratan Asia Tenggara atau barat daya Tanah Besar China. Mereka tersebar secara bergelombang dan berpuak-puak dalam jangka masa yang lama dan kawasan yang luas. Penye-

baran dan perbauran mereka semula, telah mewujudkan rumpun Melayu yang meluas. Dan lagi telah ditinjau juga budaya ketukangan mereka, khususnya rumah kediamannya. Maka dari ciri-ciri keserumpunan itu didapati pula wujudnya ciri-ciri khas bagi subrumpun Melayu tertentu, yang boleh pula dibahagi lagi kepada sub-sub rumpun yang lebih terkhusus seperti rumah tradisional Melaka, Negeri Sembilan, Riau dan sebagainya.

Setelah melihat latar belakang bangsa dan kebudayaan Melayu dan rumah tradisionalnya, maka hasilnya akan dijadikan pangkalan untuk menaroka secara lebih dekat di setiap kawasan atau zon budaya Melayu yang dirancangkan iaitu seni bina tradisional Negeri Sembilan dan yang berkaitan, sehingga mendapat gambaran yang betul tentang masalah mengenai bentuk-bentuk dan ciri-ciri rumah suku bangsa atau subsuku yang berkenaan.

LATAR BELAKANG NEGERI SEMBILAN

Geografi (Topografi) Negeri Sembilan

Negeri ini ialah sebuah negeri di dalam Persekutuan Malaysia yang mempunyai keluasan 2,566 batu persegi, terletak di pinggir Selat Melaka, di bahagian barat daya Semenanjung. Ia dikelilingi oleh empat buah negeri: Selangor di barat laut, Pahang di utara dan timur laut, Johor di tenggara dan Melaka di bahagian selatan; manakala Selat Melaka terletak di barat daya. Ini menjadikan bentuk Negeri Sembilan seakan-akan lima segi, bahagian selatan betul-betul terletak di utara Negeri Melaka dan puncak atau bucunya yang tertinggi terletak di sempadan negeri Pahang dan Selangor.

Topo atau rupa muka bumi Negeri Sembilan sangat berbeza dengan negeri-negeri lain di Semenanjung. Kebanyakan negeri menjadikan Banjaran Titiwangsa sebagai sempadan, di mana Banjaran Titiwangsa adalah menjadi sempadan antara negeri-negeri di pantai barat Semenanjung dengan negeri-negeri di pantai timur; tetapi Negeri Sembilan terbahagi dua oleh Banjaran Titiwangsa kepada Negeri Sembilan barat dan Negeri Sembilan timur. Dan hujung Banjaran Titiwangsa betul-betul terputus dekat sempadan Negeri Sembilan dengan Melaka, berhampiran dengan bandar Tampin.

Apa yang penting tentang pembahagian Negeri Sembilan ini ialah tentang sungai-sungainya; Banjaran Titiwangsa menjadi pemisah air: sumber-sumber sungai yang berpunca dari sebelah-menyebelah banjaran itu mengalir ke timur manakala sebahagian lagi mengalir ke barat. Dua batang sungai yang besar sebelah timur laut Negeri Sembilan ialah Sungai Teriang dan Sungai Serting mengalir ke negeri Pahang dan terus bercan-

tum dengan Sungai Pahang. Sungai lain yang sangat penting ialah Sungai Muar dengan beberapa cawangannya yang besar iaitu Sungai Gemenceh, Sungai Jempol, Sungai Jelai, Sungai Pilah, Sungai Seri Menanti, Sungai Terachi, Sungai Bendul dan lain-lain. Sebatang cawangan besar Sungai Muar bernama Sungai Palong dan cawangan-cawangannya, mengalir ke timur, ke negeri Johor dan seterusnya ke Kuala Muar. Setiap cawangan sungai tersebut merupakan satu negeri kecil atau disebut 'luhak' atau 'luak' dan merupakan sebuah kampung atau beberapa kampung yang kebanyakannya terletak di pinggir-pinggir atau solok-solok Titiwangsa tadi. Di bahagian selatan terdapat pula cawangan Sungai Melaka yang bersumberkan bukit-bukau di bahagian timur Tampin, semuanya mengalir ke negeri Melaka. Di bahagian barat Titiwangsa terdapat pula beberapa sungai utama iaitu Sungai Rembau, Sungai Batu Hampar, Sungai Pedas dan Sungai Linggi-Batang Benar, masing-masing dengan beberapa cawangannya bertumpu menjadi Sungai Linggi di kualanya. Kampung-kampung yang terdapat di hulu sungai-sungai tadi betul-betul bersebelahan Titiwangsa. Di bahagian barat laut Negeri Sembilan terdapat pula cawangan Sungai Langat iaitu Sungai Beranang, Sungai Broga, Sungai Lenggeng dan lain-lain, mengalir ke negeri Selangor.

Pendek kata, Negeri Sembilan yang tidak berapa luas ini dapat memberikan sumber air kepada empat buah negeri di sekelilingnya. Apa yang lebih penting ialah sungai-sungai tersebut berperanan dalam sejarah dan penyebaran penduduk awal Negeri Sembilan sejak beratus-ratus tahun yang lampau—mungkin lebih awal daripada zaman keagungan Empayar Melaka. Melalui sungai-sungai inilah manusia hilir mudik dan membuat tempat kediaman di pinggir-pinggir dan di kawasan-kawasan di hulu sungai di pedalaman Negeri Sembilan.

Iklim

Iklim Negeri Sembilan tidak jauh berbeza dengan iklim negeri-negeri lain di Semenanjung iaitu iklim Khatulistiwa yang lembap dan di tengah-tengah laluan angin monsun yang tiuparnya bertukar-tukar setiap enam bulan: April hingga September bertiup dari barat daya ke timur laut; Oktober hingga Mac bertiup dari timur laut ke barat daya. Negeri Sembilan menerima hujan yang paling kurang di antara negeri-negeri di Semenanjung; ada masa-masa dan tempat-tempatnya hanya menerima hujan kurang daripada 40 inci dalam setahun dan paling lebat kira-kira bawah daripada 100 inci setahun. Namun jumlah ini sudah lebih daripada memadai untuk menjadikan Negeri Sembilan sebagai kawasan hutan dan tumbuh-tumbuhan yang tebal yang dapat membekalkan kayu-kayan yang banyak. Kedudukannya yang dekat dengan Khatulistiwa pula memberikan suhu sederhana panas (antara 68 °F hingga 80 °F).

Latar Belakang Sejarah

Nama Negeri Sembilan sebagai satu identiti politik belum timbul sehingga kira-kira dua pertiga abad ke-18 apabila anak-anak tempatan menerima seorang anak raja yang dikatakan dari Minangkabau, Sumatera, bernama Raja Melewar. Baginda dilantik menjadi Yang Dipertuan yang pertama di Negeri Sembilan pada tahun 1773. Walau bagaimanapun, sudah terdapat nama 'sembilan' sebelum ini iaitu ketika perjanjian²⁸ antara Belanda di Melaka dengan Daeng Kemboja, pembesar Bugis Linggi dan pembesar-pembesar Rembau dan 'sembilan' buah negerinya dibuat. Perkataan 'sembilan' ini dipercayai terbit daripada kesalahafsiran bahawa ada sembilan pihak yang terlibat di dalam perjanjian itu, ataupun Rembau mempunyai sembilan perwakilan yang terdiri daripada penghulu luhak dan datuk-datuk lembaganya. Apabila British berjaya menguasai Negeri Sembilan,²⁹ barulah nama Negeri Sembilan digunakan, iaitu apabila Martin Lister, seorang pentadbir British berjaya menyatukan sembilan buah luhak di bahagian timur Negeri Sembilan di bawah satu pentadbiran.³⁰ Akhirnya setelah menempuh pelbagai konflik, pada 29.4.1898, termaktublah nama Negeri Sembilan yang dipakai hingga ke hari ini, dengan satu perjanjian yang menyatukan semua daerah yang ada sekarang ini, menjadi sebuah negeri dengan Yang Dipertuan Besarnya yang pertama, Tuanku Muhammad ibni Tuanku Antah.

Walaupun nama Negeri Sembilan secara relatif masih baru, tetapi kewujudan negeri-negeri kecil atau luhak itu mungkin telah ada semenjak atau sebelum kewujudan Kerajaan Melaka, awal abad ke-15 Masihi hingga awal abad ke-16 Masihi. Newbold menganggarkan di sekitar abad ke-14 Masihi, Rembau dan Naning ditumpu oleh pendatang-pendatang dari Sumatera.³¹ Dan lagi terdapat beberapa nama tempat tercatat di dalam *Sejarah Melayu*³² berkaitan dengan Negeri Sembilan. Nama-nama tempat ini terutama jalan Penarikan³³ yang telah disebut oleh *Sejarah Melayu* yang mengaitkan dengan Kerajaan Melaka kira-kira 500 tahun lalu, tentulah boleh kita terima sebagai bukti yang menunjukkan Negeri Sembilan ini telah dihuni sebegini lama. Selain daripada yang tercatat di dalam *Sejarah Melayu* ini, Newbold mencatatkan sembilan buah negeri kecil itu adalah seperti berikut:³⁴ Segamat, Johol, Naning, Sungai Ujung, Rembau, Kelang, Ulu Pahang, Jelai dan Jelebu. Segamat dan Kelang kini masing-masing telah termasuk ke dalam negeri Johor dan Selangor. Menurut ahli-ahli sejarah, negeri-negeri kecil ini diperintah oleh datuk-datuk penghulunya masing-masing dan seterusnya bernaung di bawah Kerajaan Melaka. Bila Melaka dialahkan oleh Portugis, Kerajaan Melaka berpindah ke Johor. Bila kuasa Johor lemah oleh campur tangan Bugis dan Raja Kecil dari Siak, maka negeri-negeri kecil di Negeri Sembilan bermuafakat pula mengambil keturunan raja dari Pagarruyung Minangkabau

sebagai penaung (Yang Dipertuan) pada tahun 1773. Tradisi menjemput anak raja dari Minangkabau ini berlaku sebanyak tiga kali. Selepas itu baharulah keturunan anak-anak raja tempatan mengambil alih hingga ke hari ini. Maka kerana inilah telah timbul perbilangan adat di Negeri Sembilan:

Beraja ke Johor

Bertuan ke Minangkabau

Bertali ke Siak

Interpretasi dua baris yang pertama perbilangan adat di atas adalah jelas dari segi sejarah. Tetapi baris yang akhir itu sehingga kini belum ada huraian yang memuaskan. Ramai ahli sejarah dan ahli adat di Negeri Sembilan mentafsirkan bahawa ungkapan itu bermaksud menunjukkan Raja Melewar, Yamtuan yang pertama bagi Negeri Sembilan itu datang ke sini dari Pagarruyung melalui Siak.³⁵

Pertembungan Negeri Sembilan yang awal dengan kuasa Barat telah berlaku semenjak Melaka dialahkan oleh Portugis pada tahun 1511.³⁶ Begitu juga di zaman Belanda memerintah Melaka, semenjak tahun 1642, Rembau beberapa kali terlibat dalam perperangan menentang Belanda dan beberapa kali pula membuat perjanjian damai, yang ada kalanya bekerjasama dengan Bugis untuk menentang musuh yang sama. Akhirnya Inggeris pula tampil mencampuri hal ehwal politik Negeri Sembilan.

Apabila Negeri Sembilan sudah mula berkembang dan membangun dengan hasil-hasil bijihnya, pembesar-pembesar Melayu Negeri Sembilan pun mula berebut kuasa. Peniaga-peniaga luar, terutama orang Cina dari Melaka hilir mudik untuk mencari laba pun turut terancam. Maka Inggeris telah mengambil kesempatan untuk memperkembangkan pengaruhnya dengan alasan untuk menjaga keamanan jalan-jalan sungai di sepanjang pantai barat Semenanjung. Kebetulan pembesar-pembesar Melayu yang merasai dirinya tertekan oleh saingan Melayunya lalu meminta bantuan Inggeris. Yang mula-mula berbuat demikian di Negeri Sembilan ialah Dato' Kelana Satiyyid Abd. Rahman dari Luhak Sungai Ujung iaitu daerah Seremban sekarang.³⁷

Selepas ini satu persatu luhak di Negeri Sembilan tunduk di bawah naungan Inggeris dengan corak tipu helah yang hampir-hampir sama, dilikuti oleh Jelebu (1886) dan diakhiri oleh Rembau (1887). Antara Sungai Ujung dan Jelebu, Seri Menanti dan luhak-luhak kecil di sekitarnya iaitu Ulu Muar, Jempol, Teraci, Johol, Gunung Pasir dan Inas adalah di bawah pimpinan Yamtuan Antah. Baginda telah menerima pemerintahan Inggeris, iaitu selepas tewas dalam satu perperangan yang sengit yang dikenali sebagai Perang Bukit Putus yang berlaku pada akhir tahun 1875.³⁸

Perang Bukit Putus memperlihatkan kepada kita bagaimana orang Melayu di satu pihak menentang Inggeris dan Datuk Kelana di pihak yang

lain yang mengakibatkan pihak Melayu akhirnya terjajah. Dalam konteks kajian ini penulis ingin memetik catatan gerakan tentera Inggeris selepas benteng Bukit Putus ditembusi:

Then it was decided to advance into Ulu Muar and Seri Menanti on the morning of 24th December, (1875), the column under Clay to Seri Menanti, while under Hill marched to Ulu Muar. Meeting no opposition, the force burned both Yamtuhan Radin's palace and the kampong of Dato' Muar, and the small force under Captain Rankin even went on 26th December to Kuala Jempol where they burned Dato' Jempol's kampong. The whole of the population on their route had abandoned their homes and taken to the jungle.³⁹

Yang menarik di dalam petikan di atas ialah catatan tentang pembakaran istana Yamtuhan Radin dan rumah-rumah kampung Dato' Muar dan Dato' Jempol.⁴⁰

Latar Belakang Penempatan

Memang tidak boleh disangsikan bahawa penduduk asal Negeri Sembilan ialah ‘Orang Melayu Asal’⁴¹, iaitu orang Melayu tulen tanpa mengambil kira sama ada mereka sudah menganut Islam atau tidak. Kemudian datang pula puak-puak Melayu dari luar, misalnya dari Melaka dan puak-puak Melayu dari Sumatera bahagian timur dan akhirnya datang pula puak-puak Minang dari Sumatera Barat. Sebelum kedatangan puak-puak Minangkabau, puak-puak Melayu asal ini memang mempunyai sistem masyarakat hampir bercorak matrilineal tetapi tidak mengamalkan sistem bersuku-suku atau berkahwin di luar suku (eksogami). Puak yang lebih asal ketuanya bergelar ‘batin’ manakala puak yang kemudian dan telah menganut agama Islam, menggunakan perkataan ‘penghulu’ dan ketua bagi kelompok kecil disebut ‘buapak’ (asalnya ‘ibu-bapak’).

Sistem sosial Melayu asal ini, seperti yang disebutkan di atas, masih dapat dilihat di luhak-luhak yang kurang pengaruh Minangkabaunya seperti Johol dan Inas.⁴² Kedatangan orang-orang Minangkabau yang kemudian dan bersemenda dengan orang-orang tempatan telah memperkenalkan sistem sosial bersuku-suku dan matrilineal seperti yang terdapat di Negeri Sembilan sekarang (kecuali bahagian pantai). Bagaimanapun, ciri-ciri asal Melayu tempatan masih tetap kekal, seperti loghat (dialek) Negeri Sembilan yang unik, sikap hidup, bentuk rumah tradisional, malah sistem adatnya juga banyak kelainan daripada adat yang diamalkan di tanah Minangkabau.

Penulis-penulis sejarah Negeri Sembilan kini nampaknya terlalu memberikan penekanan terhadap pengaruh Minangkabau itu⁴³ yang telah memberikan kesan yang amat mendalam, hinggakan anak-anak Negeri Sembilan sendiri ramai yang berasa ragu-ragu terhadap asal usul atau identiti mereka. Orang yang kurang menyelidik mungkin boleh menerima

kenyataan pengaruh tebal Minangkabau ini kerana di dalam Negeri Sembilan terdapat dua belas 'suku' atau kelompok adat yang sembilan daripadanya adalah bersamaan dengan nama-nama tempat di Minangkabau; hanya tiga yang lain itu nama tempatan atau asing.⁴⁴ Suku yang dikatakan asal ialah suku Biduanda dan hanya suku inilah sahaja yang mendapat hak untuk menyandang penghulu luhak atau Undang Yang Empat atau Datuk-datuk Lembaga yang berkenaan. Suku istimewa ini juga dikenali sebagai suku waris yang mungkin bermaksud bahawa suku inilah yang berhak mewarisi pusaka Undang. Suku Biduanda ini mendapat tempat yang begitu istimewa seperti telah dijelaskan oleh Winstedt, *'There is an interesting Malacca survival in Negeri Sembilan custom. The 'waris' or heirs of territorial titles generally belong to a few privileged families inside a tribe unknown in Sumatera, members of the noble family of the Bendahara of old Malacca, called Biduanda.'*⁴⁵

Winstedt juga mengatakan suku Biduanda itulah yang teramai ahlinya jika dibandingkan dengan suku-suku lain.⁴⁶

Terdapat pula ungkapan atau perbilangan adat yang menyarankan tentang pertembungan dua budaya di Negeri Sembilan di masa silam, iaitu budaya dari Sumatera dengan budaya tempatan⁴⁷ yang perlu dikaji.

Latar Belakang Adat

Telah kita lihat bahawa sistem sosiopolitik Negeri Sembilan kini adalah berupa campuran sistem Melayu asal dengan sistem yang dibawa oleh pendatang-pendatang Minangkabau. Tentang istilah Minangkabau yang digunakan ini adalah merujuk kepada Minangkabau tulen dari Sumatera Barat atau orang-orang 'Rantau Minangkabau' di Sumatera Timur yang kini termasuk ke dalam Propinsi Riau. Terlihat kecenderungan pada pengkaji-pengkaji Barat seperti Winstedt, Lister, O'Brien, menganggap semua yang datang dari Sumatera itu sebagai Minangkabau. Mereka mungkin keliru, menganggap orang Rokan, Kampar, Kuantan dan Inderagiri, sebagai Minangkabau, kerana orang-orang daerah tersebut mengamalkan adat seakan-akan adat Minangkabau. Padahal sebenarnya mereka adalah golongan Melayu daratan. Menurut Kato,⁴⁸ terdapat dua golongan Melayu di Riau, iaitu Melayu Pesisir dan Melayu Daratan. Melayu Daratan ini dikenali juga sebagai Melayu beradat dan asal usul mereka juga dari laut yang kini telah menetap di ulu-ulu sungai. Daripada kenyataan ini orang-orang Melayu Negeri Sembilan yang tinggal di darat dan yang menganut Adat Perpatih itu adalah sebangsa dengan Melayu darat di daerah-daerah Sumatera Timur itu kerana rumah tradisional, adat dan dialek mereka adalah mirip dengan yang di Negeri Sembilan darat.

Adat Perpatih yang dikenali di Negeri Sembilan sekarang ini adalah sistem bercorak *matrilineal*, dalam mana pewarisan suku adalah dari

suku ibu. Jika ibunya suku Biduanda maka semua anaknya menjadi suku Biduanda; si suami atau bapa adalah dianggap keluarga pendatang, dan dikenali sebagai 'orang semenda' dan dia harus tinggal di rumah mentua atau di rumah/tanah pusaka isterinya. Perkahwinan pula hendaklah dengan orang luar suku (exogamy).

Pewarisan harta, seperti rumah dan tanah, terpulang kepada anak perempuan lazimnya, pusaka rumah diberikan kepada anak perempuan yang bongsu atau yang terkecil (di Rembau) dan dia dijangka memelihara ibunya apabila si ibu sudah tua. Manakala di daerah Kuala Pilah rumah diwariskan kepada anak perempuan yang tua.

Pewarisan pangkat atau gelaran (undang, lembaga, buapak dan sebagainya) adalah kepada anak lelaki si ibu. Keutamaan diberi kepada anak lelaki yang tertua. Anak-anak lelaki juga adalah bertanggungjawab menjaga saudara-saudara perempuannya dan juga tanah pusakanya. Mereka juga berhak mengambil hasil seperti buah-buahan dari tanah pusaka ibunya ala kadar.⁴⁹ Pendeknya, lelaki memang kuasanya mentadbir dan perempuan menerima pusaka sebagai pemegang amanah, bukan milik yang mutlak. Kata pemutus tetap pada saudara lelaki dan ketua-ketua sukunya, seperti buapak atau lembaga.

Sebelum sistem pentadbiran Barat diperkenalkan oleh Inggeris, Negeri Sembilan ditadbirkan secara adat, menurut sistem Adat Perpatih yang dikatakan dibawa oleh pendatang-pendatang dari Minangkabau. Pengkajipengkaji sependapat bahawa Adat Perpatih adalah bersifat demokratik total iaitu majoritinya ialah seratus peratus, bukan 51% seperti konsep demokrasi Barat. Adat ini berbeza dengan sejenis adat lagi yang dikenali sebagai Adat Temenggung yang bersifat birokratik dan domainnya ialah di bahagian pantai, seperti yang terlihat pada ungkapan adatnya:

Ke laut Adat Temenggung,
Ke darat Adat Perpatih.

Tetapi kenyataan di Semenanjung ini, Adat Perpatih hanya berdomisil di darat Negeri Sembilan dan darat Melaka yang bersempadan dengan Negeri Sembilan. Sedangkan Adat Temenggung diamalkan di semua negeri di Semenanjung selain daripada Negeri Sembilan dan Melaka.⁵⁰

Umum menyangka adat di Minangkabau adalah sama dengan yang diamalkan di Negeri Sembilan. Hal yang sebenarnya di Minangkabau adatnya dikenali sebagai Adat Minangkabau sahaja yang terdiri daripada dua laras:

1. Laras Koto-Piliang, pimpinan Datuk Katumanggungan.
2. Laras Bodi-Caniago, pimpinan Datuk Perpatih nan Sabatang.

Dan kedua-dua laras ini adalah sama saja, iaitu sistem matrilineal dan bersuku-suku. Padahal di Semenanjung, Adat Temenggung adalah yang berorientasikan syarak Islamiyah, tidak bersuku-suku dan perkahwinan yang bebas antara sepupu sebelah ibu atau bapa menurut syarak. .

Sistem matrilineal dan bersuku-suku dalam Adat Perpatih Negeri Sembilan diatur bertingkat-tingkat atau berhierarki seperti yang tercatat di dalam perbilangannya:

Berjinjang naik;
Bertangga turun.

Dan juga di dalam ungkapan-ungkapan berikut:

Alam beraja,
Luhak berpenghulu,
Suku bertua (berlembaga),
Anak buah berbuapak.⁵¹

Seterusnya, kebulatan anak buah melantik buapaknya, kebulatan buapak-buapak boleh melantik jembaga sukunya, kebulatan lembaga pula melantik penghulu (undang) dan kebulatan penghulu melantik Yang Dipertuan. Begitulah caranya, anak-anak buah yakni anggota suku itu ditadbirkan oleh buapak masing-masing dalam hal-hal kehidupan sehari-hari, soal-soal perselisihan kecil, hal-hal pembahagian pusaka dan sempadan tanah, nikah kahwin dan sebagainya. Jika tidak selesai di peringkat buapak barulah dibawa ke peringkat lembaga, tetapi jarang-jarang sampai ke peringkat undang.⁵²

Sesungguhnya ketua-ketua suku atau ketua-ketua adat inilah yang mentadbirkan anak-anak buah atau rakyat semua peringkat dengan cara atau kaedah yang tersendiri; mahkamahnya bertempat di ruang-ruang serambi rumah keluarga tua dan hakim peguannya ialah ketua-ketua adat. Undang-undang yang digunakan ialah undang-undang yang tidak bertulis yang dipanggil 'perbilangan adat' atau 'kata-kata adat', yang kebanyakannya dihafal oleh ketua-ketua adat atau datuk-datuk lembaga yang bijak bertikam lidah. Ringkasnya, dengan sistem adat inilah Negeri Sembilan ditadbir, semenjak zaman tradisional, dengan lancar dan harmonis, hingga zaman kini.

1. P.E. De Joslin De Jong, *Minangkabau and Negri Sembilan*, Bharata, Jakarta, 1960, hal. 97. Lihat juga Barbara Watson dan Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, Macmillan, Petaling jaya, 1983, hal. 23.

2. M.C. Subhadradis Diskul (ed.), *The Art of Srivijaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1964, hal. 1.

3. Rusli Amran, *Sumatra Barat Hingga Plakat Panjang*, Penerbit Sinar Harapan, Jakarta, 1981, hal. 29.

4. M.C. Subhadradis Diskul (ed.) 1964, *Ibid.*, hal. 6.

RUMAH MELAYU NEGERI SEMBILAN: LATAR BUDAYA

5. Ismail Hussein, *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1966, hal. 22.
6. Asmah Haji Omar, *The Malay People of Malaysia and Their Language*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983, hal. 37.
7. R.O. Winstedt, *Malaya and Its History*, Routledge and Kegan, London, 1961, hal. 16.
8. Gambar Lampiran.
9. Ismail Hussein, 'Dunia Melayu-Polynesia Merangkumi Segala-galanya', *Dewan Sastera*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Mac, 1988, hal. 77.
10. Mohd. Taib Osman, *Malay Folk Belief*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hal. 18-23. Lihat juga *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hal. 27-60.
11. Mohd. Taib Osman (1989), *Ibid.*, hal. 21.
12. Taib Osman memetik C.D.E. Hall, *A History of South-East Asia*, MacMillan, London, 1960, hal. 8.
13. Barbara Watson dan Leonard Y. Andaya. *Sejarah Malaysia*. MacMillan, Petaling Jaya, 1983.
14. Ucapan beliau semasa membentangkan kertas kerjanya dalam Konvensyen Mewujudkan Melaka Bandaraya Bersejarah di Melaka, pada April, 1987.
15. Lihat Buyong Adil, *Sejarah Johor*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, hal. 200.
16. Kamaruddin Md. Ali, 'A Vanishing Heritage: The Old Traditional Malay House' (Tesis Sarjana in Conservation Studies di Institute of Advanced Architectural Studies, University of York), 1983, hal. 7.
17. Sutan Takdir Ali Sjahbana, *Puisi Lama*, Zaman Baru Ltd., Petaling Jaya, 1971, hal. 5.
18. Amos Rapoport, 'Cultural Origin of Architecture', dalam James C. Snyder dan Anthony J. Catanese, (eds.), *Introduction to Architecture*, McGraw Hill, New York, 1979, hal. 15.
19. Daerah atau rasminya Propinsi Riau ditubuhkan dengan rasmi pada tahun 1958, berpisah dengan Sumatera Barat. Riau terdiri dari Riau Kepulauan iaitu gugusan pulau-pulau di selatan Singapura, dan Riau Daratan, tanah besar Sumatera Tengah bahagian Timur, termasuk Rokan, Siak, Kampar dan Inderagiri. Ibu daerahnya ialah Pekan Baru.
20. Di Negeri Sembilan dan Melaka lebih dikenali sebagai 'tabir layar'. Sepanjang penulisan ini penulis akan menggunakan istilah 'tabir layar'.
21. Ismail Hussein, (1988) op.cit., hal. 77.
22. Phillip Gibbs, *Building the Malay House*, Oxford University Press, Singapore, 1987, hal. 22.
23. Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu*, Pustaka Melayu, Singapura, 1961, hal. 26-7.
24. Dalam versi Abd. Samad Ahmad terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, perkataan 'bertingkap' diganti dengan 'berkapa-kapa', hal. 143.
25. *Sejarah Melayu* versi Shellabear, Malaya Publishing House, Singapura, 1950, hal. 114. Lihat tiga buah gambar lukisan yang dilampirkan, menunjukkan bagaimana interpretasi pelukis berdasarkan petikan yang sama di atas.
26. Kamaruddin Md. Ali, 'A Vanishing Heritage: The Old Traditional Malay House', Tesis Master Institute of Advance Studies, University of York, 1983.
27. Mubin Sheppard, 'Traditional Malay House in Terengganu and Kelantan', *JMBRAS* Vol. 42, Pt. 2, 1969, hal. 1. Lihat juga R.N. Hilton, 'The Basic Malay House', dalam *JMBRAS*, XXIX Pt. III, 1956, hal. 34.
28. R.O. Winstedt, 'Negeri Sembilan, The History, Policy and Belief' dalam *JMBRAS*, Vol. XII, Pt. III, 1934, hal. 57.
29. British mula menguasai Negeri Sembilan dengan penyerahan kuasa oleh Luhak

Sungai Ujung pada 1874. Masa itu Negeri Sembilan belum bernama Negeri Sembilan tetapi merupakan negeri-negeri kecil yang dinamakan luhak atau luak yang diperintah oleh seorang Penghulu Luhak masing-masing.

30. Othman Haji Abu Bakar, makalah di dalam *Warisan*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan (PSM/CNS), Bil. 7, 1982-3, hal. 24. Lihat juga Sherifa Khan, *The Making of Modern Negeri Sembilan*, Taman Seni Budaya, Seremban, 1986, hal. 68.

31. Abas Haji Ali, *Rembau, Sejarah dan Adat Istiadatnya*, Percetakan Kerajaan, Johor, 1953, hal. 1.

32. Tun Seri Lanang, *Sejarah Melayu*, versi Shellabear, MPH, Singapura, 1950, hal. 14, Sening Ujung; 202, Kuala Penajuh (= Penajih); 221, Lubok China dan Penarikan (Jempoi), hal. 226.

33. Jalan Penarikan ialah satu jalan darat yang sangat masyhur zaman berzaman yang menghubungkan Selat Melaka dengan Laut China Selatan, melalui Sungai Muar dan Sungai Pahang. Lokasi ini terletak berhampiran pekan Bahau di timur Negeri Sembilan, di mana jarak antara hulu Sungai Muar dengan hulu Sungai Pahang (Sungai Serling) tidak sampai setengah kilometer. Di sinilah perahu-perahu pedagang ditarik untuk pindah di antara dua sungai ini. Untuk keterangan lanjut lihat Yaakub Idrus, 'Laporan Lawatan AJK Persatuan Sejarah NS' dlm *Warisan*, Jurnal PSM. Caw. N. Sembilan, Bil. 10, 1985, hal. 11-14. Dan lihat juga Barbara Watson & L.Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, MacMillan, Petaling Jaya, 1983, hal. 45.

34. T.J. Newbold, *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, London: 1839.

35. Abas bin Haji Ali, *Ibid.* hal. 114. Ada pendapat mengatakan bahawa raja-raja Siak mempunyai pertalian dengan raja-raja Pagarruyung. Tetapi sebaliknya, menurut kerahan bahasa, yang bertali ke Siak itu ialah Negeri Sembilan, bukan raja-rajanya.

Untuk keterangan lanjut, lihat Yaakub Idrus, 'Tuan Lebai Aris: pengembang Tariqat Alunadiyah di Siak' dalam *Warisan*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Caw. Negeri Sembilan, Bil. 13, 1988, hal. 6-20.

36. R.O. Winstedt, (1934) *op.cit.*, hal. 44-5.

37. Sherifa Khan, *Ibid.* hal. 24-31. Lihat juga Khoo Kay Kim, *The Western Malay State*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972. Datuk Kelana tersebut berbuat demikian adalah untuk menentang kuasa Dato' Bandar yang kaya dan kuat. Kekuatan senjata Inggeris dapat mengalahkan Dato' Bandar atas nama Dato' Kelana. Maka bendera Union Jack pun mulalal berlitar pada 10 Oktober 1874, di Sungai Ujung. Dan seorang pegawai Inggeris pun diletakkan sebagai pentadbir.

38. *Ibid.*, hal. 24-31.

39. Sherifa Khan, *Ibid.* hal. 30-1.

40. Penulis mengambil dua buah daripada rumah yang terlibat di dalam pembakaran itu, yang kini masih utuh, untuk dijadikan sampel dalam kajian ini. Rumah sampel no. 3, diceritakan hanya atap yang hangus. Kerangkanya tidak terjejas. Kini sudah dibaik pulih dan masih baik. Sampel no. 4, sebuah rumah besar dan teguh, kepunyaan Dato' Muar Bongkok (Datuk Ab. Malik), yang terlibat langsung dalam perang Bukot Putus itu. Rumah ini jenis Tiang 20. Kini masih digunakan oleh informan, Puan Siti Hajar, putri kepada Dato' Muar Bongkok.

41. Penulis menggunakan perkataan 'Melayu asal' di sini ialah untuk membezakan dengan 'Melayu asli'; kerana kecenderungan hari ini memahamkan perkataan 'asli' itu bermakna orang darat atau orang bukit yang masih belum Islam atau belum bertamadun.

42. Diane K. Lewis, 'Inas, a Study of Local History', dalam *JMBRAS*, Vol. XXXIII, Pt. I, 1960, hal. 77.

43. Abd. Samad Idris, *Payung Terkembang*, Pustaka Budiman, Kuala Lumpur, 1990, hal. 32.

44. Nama-nama suku yang dua belas itu ialah: (Sembilan yang pertama: Paya Kumbuh, Batu Hampar, Batu Belang, Seri Lemak, Semelenggang, Mungkar, Tanah Datar, Tiga Batu atau Batur dan Tiga Ninik, Tiga yang akhir: Biduanda, Anak Melaka dan Anak Aceh). Cuma di Rembau yang ada cukup 12 suku. Untuk keterangan lanjut lihat Yaakub Idrus, 'Sistem Bersuku-suku Dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan, satu sorotan dan perbandingan dengan adat Minangkabau dan adat Melayu Darat di Sumatera, Jurnal *Varisan* PSM/CNS. Bil. 16, 1972, hal. 32-44.

45. R.O. Winstedt, 'History of Negeri Sembilan' dalam *JMBRAS* vol. XII, Pt. III, 1934, hal. 43.

46. *Ibid.*, hal. 43.

47. Abas Haji Ali (1953: 115), perbilangan 'Gagak hitam gagak senoi, turun dari bukit, berkaki empat; bangau putih datang dari laut berkepak sayap', yang melambangkan pertembungan budaya orang asal dengan pendatang dari Sumatera. Ungkapan ini memerlukan kajian dan interpretasi yang mendalam kerana jelas ada percanggahan dengan pendapat Winstedt di atas.

48. Tsuyoshi Kato, 'Typology of Cultural and Ecological Diversity in Riau, Sumatera', dalam *Transformation of the Agricultural Landscape in Indonesia*, disunting oleh W. Maeda, CSEAS, Kyoto University, Kyoto, 1984, hal. 16.

49. Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpateh*, Percetakan Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1982, hal. 115.

50. Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hal. 159.

51. Perbilangan ini dan lain-lain perbilangan atau kata-kata adat, sila lihat Mohd Din Ali (1957).

52. Untuk keterangan lanjut sila lihat Nordin Selat, *Sistem Adat Perpatih*, hal. 55. Lihat juga Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*, Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hal. 112-18.